

ISLAM-MUSABAQAH

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 10.00. MALAM, 13 MEI.

---

1984

MELAKA, 13 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI D R. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI BERKATA MASYARAKAT ISLAM MENJADI MUNDUR KERANA MEREKA TIDAK BERPEGANG KUAT KEPADA KEHENDAK AGAMA ISLAM SUPAYA LEBIH MEMBACA - IAITU LEBIH MENGEJAR PENGETAHUAN YANG BERMUNAFaat.

BELIAU BERKATA, TABIAT SUKA MEMBACA DAN MENULIS HARUSLAH DIJIWAI OLEH SESEORANG KERANA JIKA TABIAT ITU BERKURANGAN MAKA AKAN MUNDURLAH SESUATU BANGSA ITU.

KATANYA, ORANG YANG MEMENTINGKAN ILMU PENGETAHUAN TIDAK AKAN JEMU UNTUK MEMPELAJARI APA SAHAJA ILMU YANG BERMUNAFaat DAN TIDAK AKAN MENSIA-SIAKANNYA.

BERUCAP DI MAJLIS PEMBUKAAN MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN DI STADIUM KUBU DI SINI MALAM INI, PERDANA MENTERI BERKATA ISLAM MEMBERIKAN PENETUAN MASA YANG WAJIB DAN SUNAT BAGI KEMUDAHAN PENGANUTNYA Mendapatkan MASA YANG LAPANG UNTUK URUSAN LAIN TERMASUK Mencari NAFKAH.

BELIAU BERKATA, ISLAM TIDAK MENYURUH UMATNYA SEMBAHYANG SEHINGGA LUPA UNTUK Mencari REZKINYA, MALAHAN SEBAGAI CONTOHNYA SELEPAS SAHAJA SEMBAHYANG JUMAAT PARA PENGANUTNYA DISURUH Mencari HASIL YANG HALAL. --LAGI 2130/HM

DI SAMPING ITU UMAT ISLAM JUGA MESTILAH MELENGKAPKAN DIRI DENGAN BERBAGAI ILMU PENGETAHUAN DAN BERUSAHA MEMAJUKAN DIRI SENDIRI, KATA BELIAU.

+KEHIDUPAN DAN KESENEGAN DI DUNIA HENDAKLAH DIJADIKAN JAMBATAN UNTUK MENCAPAI KEBAHAGIAN DI AKHIRAT, MALAHAN KEMISKINAN ADALAH HAMPPIR KEPADA KEKUFURAN. +

SEJAJAR DENGAN TEMA MUSABABAH MEMBACA AL-QURAN TAHUN INI, IAITU 'BERILMU, BERUSAHA TUNTUTAN AL-QURAN', DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA ORANG YANG BERILMU BERMUNAFAT BUKAN SAHAJA KEPADA DIRINYA SAHAJA, MALAHAN JUGA KEPADA ORANG LAIN DI SAMPING IA DIPANDANG MULIA OLEH MASYARAKAT.

BELIAU MENYERU UMAT ISLAM SUPAYA BERLUMBA-LUMBA MENGEJAR ILMU DI ZAMAN YANG MENCABAR INI KERANA KATANYA, TANPA ILMU PENGETAHUAN MASA DEPAN SEBUAH BANGSA ITU AKAN TERCABAR.

PERDANA MENTERI BERKATA, SEJARAH MEMBUKTIKAN BAHAWA ORANG-ORANG YANG BERJASA DALAM TAMADUN KEMANUSUKAN SEPERTI KBN FARABI, IBN TAIMIYAH DAN IMAM GHAZALI, ADALAH MEREKA YANG BERILMU PENGETAHUAN TINGGI DAN BERUSAHA MENGAMALKAN ILMUNYA. --LAGI 2148/HM.

SEBENARNYA BANYAK CONTOH YANG DAPAT DILIHAT, DIRENUNG DAN DIPIKIRKAN UNTUK DIJADIKAN PENGAJARAN DAN SESUATU KEJAYAAN, KEBAIKAN DAN KESELESAAN ITU HANYA DAPAT DICAPAI MELALUI PERSIAPAN ILMU YANG LENGKAP DAN SEMPURNA, + KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, BAHAWA BAIK-BURUK DAN MAJU-MUNDUR SESUATU BANGSA ITU TERLETAK PADA BANGSA ITU SENDIRI, KERANA ALLAH TIDAK AKAN MENGUBAH NASIB SESUATU BANGSA ITU KECUALI BANGSA ITU MENGUBAHKANNYA SENDIRI.

BELIAU MENGINGATKAN UMAT ISLAM BAHAWA IBADAT JUGA TIDAK MENGHALANG PEKERJAAN SESEORANG, MALAHAN JIKA BERLAKUNYA PERTEMBUNGAN ANTARA KEDUANYA, MAKA ITU ADALAH KEHENDAK DIRINYA SENDIRI.

KATANYA, JIKA SESEORANG ITU KETINGGALAN DALAM MENUNTUT ILMU ATAU Mencari nafkahnya, ISLAM TIDAK BOLEH DIPERSALAHKAN KERANA BUKAN ISLAM YANG MENGHALANGI TUGASNYA, TETAPI KERANA KESENGAJAANNYA SENDIRI MENJADIKAN IBADAT SEBAGAI SUATU ALASAN UNTUK MENGELAKKAN DIRI DARI MENJALANKAN TUGASNYA.

+ IBADAT YANG DIWAJIBKAN OLEH ISLAM ADALAH MUDAH DAN SINGKAT SAHAJA SEPERTA MEMPUYAI KELOMPOGANNYA, + JELAS BELIAU. --LAGI 2200/HM

SEMENTARA ITU MENYENTUH TENTANG SLOGAN +MENGEJAR ILMU KERANA ILMU+, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA IA TIDAK SECUCUK DENGAN ISLAM KERANA ISLAM HANYA MENUNTUT ILMU YANG AKAN MEMBERI KEBAIKAN KATAU PERLINDUNGAN KEPADA ORANG ISLAM.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERPENDAPAT, KEBURUKAN SESUATU ILMU IYU BUKANLAH TERLETAK PADA ILMU ITU SENDIRI TETAPI KERANA PENYALAHGUNAANNYA.

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA ILMU TANPA USAHA TIDAK MEMBERIKAN SEBARANG FAEDAH KERANA IA MENJADIKAN BEKU DAN TIDAK BERGUNA.

ISLAM MEMANDANGKAN TINGGI PADA USAHA SESEORANG, MALAHAN IA SETARAF DENGAN NILAI ILMU PENGETAHUAN ITU SENDIRI, SELAGI SESEORANG ITU BERKEMAMPUAN MELAKUKANNYA.

MENGIKUT PEPEATAH ARAB, KATA PERDANA MENTERI, + ILMU TANPA USAHA, GILA; DAN BERUSAHA TANPA ILMU BERERTISIA-SIA YANG BERMaksud JIKA SESEORANG ITU MEMPUYAI ILMU TETAPI TIDAK MENGAMALKANNYA MAKA IA TIDAK MEMBERIKAN FAEDAH DAN SEBALIKNYA. --BERNAMA 2209/HM